

Sokongan dasar BNM perkukuh ekonomi Malaysia

[FOTO HIASAN]

BH 9/1

Ekonomi Malaysia berupaya untuk mengekalkan daya tahannya tahun ini dengan sokongan lebih banyak dasar monetari oleh Bank Negara Malaysia (BNM), memandangkan kadar inflasi diunjurkan akan kekal rendah pada 2017.

HSBC Global Research, dalam Laporan Ekonomi Global Suku Pertama 2017, berkata secara idealnya BNM sepatutnya akan menyusuli pemotongan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas pada Julai lalu, yang juga kali pertama sejak 2009, dengan terus melakukan dasar yang serupa pada tahun ini.

Bagaimanapun, tegasnya satu lagi pemotongan kadar faedah untuk tahun ini amat mencabar dilaksanakan memandangkan nilai ringgit yang lemah sekarang.

Pada masa sama, katanya rintangan dihadapi melalui risiko global berikutan suasana ekonomi dan politik yang tidak menentu di Eropah, Amerika Syarikat (AS) dan China dijangka masih terus menyelubungi.

"Berikutan itu, kami tidak lagi menjangkakan BNM akan memotong OPR.

zab Berkanun (SRR), khususnya jika kadar antara bank mula meningkat sekali lagi, berlatarbelakangkan penurunan deposit," kata unit penyelidikan HSBC itu.

Pada Januari tahun lalu, BNM mengurangkan SRR sebanyak 50 mata asas kepada 3.50 peratus, bagi menjamin kecukupan kecairan di dalam sistem kewangan, selepas kadar antara bank meningkat 10 mata asas pada akhir 2015.

Kadar KLIBOR tiga bulan secara umumnya adalah stabil sejak pemotongan OPR pada Julai, namun beberapa situasi yang berlaku di dalam pasaran menyebabkan kenaikan satu mata asas kepada 3.41 peratus pada hujung November.

Operasi repo berbalik

Kecenderungan dasar pelonggaran BNM juga terbukti melalui operasi repo berbalik, yang dilaksanakan semula pada Oktober selepas dihentikan selama dua bulan.

Walaupun saiz suntikan kecairan itu tidak besar, ia membantu terbitan repo berbalik bersih menjadi positif buat kali pertama sejak 2015.

Dari segi dasar fiskal, HSBC Global Research berkata, kerajaan ma-

rajaan akan tetap menyasarkan defisit bajet yang lebih kecil iaitu 3 peratus bagi 2017, berbanding unjuran 3.2 peratus tahun ini.

Pada masa sama, kenaikan semasa harga minyak, jika berkekalan, boleh membantu kerajaan mencapai sasaran margin berkeuntungan.

Langkah jangka pendek

"Dasar yang dilaksanakan (kerajaan) dilihat lebih tertumpu kepada langkah jangka pendek untuk meningkatkan sentimen pengguna, seperti pemberian tunai, berbanding langkah jangka panjang bagi menangani tinjauan pekerjaan yang sedikit merosot.

"Ini termasuk memberikan insentif kepada majikan untuk mengekalkan kakitangan mereka," katanya.

HSBC Global Research mengurangkan unjuran inflasi Malaysia bagi 2016 dan 2017, masing-masing kepada 2 peratus dan 2.5 peratus.

Unjuran itu berada dalam lingkungan selesa antara dua hingga tiga peratus yang disasarkan BNM.

Inflasi teras juga dijangka berkurangan kepada 1.5 p

